

# PROGRAM DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL 2050 PERTAHANAN (TN50D)

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2486-program-dialog-transformasi-nasional-2050-pertahanan-tn50d](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2486-program-dialog-transformasi-nasional-2050-pertahanan-tn50d)

KUANTAN, 26 Sep 17 - Satu Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 Pertahanan (TN50D) telah berjaya dilaksanakan di Hangar No 17 Skn, Pangkalan Udara Kuantan. Majlis dialog ini telah dihadiri oleh seramai 850 orang terdiri daripada Pegawai, anggota LLP serta kakitangan awam dari PU Kuantan, Skuadron 322 TUDM Bukit Ibam, dan Skuadron 323 TUDM Bukit Lunchu.



Moderator bagi sesi dialog TN50D adalah Pegawai Memerintah Skn 401 GBAD, Lt Kol Alias bin Hassan TUDM manakala Komander Pangkalan Udara Kuantan, YBhg Brig Jen Noor Mohamad Akmar bin Mohd Dom TUDM adalah sebagai ahli Panel.



Sambutan dan suasana program ini berlangsung dengan meriah sekali dimana pegawai dan anggota telah memberi aspirasi – aspirasi bernas demi masa depan dan kelangsungan TUDM. Wacana yang meriah ini telah memberi gambaran bahawa anggota yang menghadiri program dialog TN50D ini mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pembangunan TUDM pada masa hadapan.



